

Johor

EDL percuma 1 Mac

NORSHIKIN MOHD SALLEH
26 Februari 2012



JOHOR BAHRU - Lebuhraya Lingkaran Penyuraian Timur (EDL) akan dibuka kepada pengguna secara percuma bermula 1 Mac ini.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, orang ramai boleh menggunakan lebuh raya tersebut secara percuma sehingga tempoh yang ditetapkan apabila kerajaan memutuskan kadar caj yang akan dikenakan bagi laluan berkenaan.

“Pembukaan lebuh raya itu nanti akan mengurangkan kesesakan jalan di Jalan Tebrau serta memendekkan masa perjalanan dari kawasan Plentong ke Kota Iskandar kepada kurang dari 30 minit,” katanya selepas merasmikan Galeri Jualan Southkey di Jalan Bakar Batu dekat sini, semalam.

Abdul Ghani memaklumkan kadar tol itu akan dimuktamadkan dan diumumkan dalam beberapa minggu lagi.

“Kerajaan masih lagi membuat pertimbangan mengenai tol tersebut dan kita harap akan mendapat keputusan yang baik.

“Perkara yang dipertimbangkan ialah bagi pengguna yang tidak melalui tol ke EDL untuk ke Singapura,” katanya.

Isu lebuh raya kontroversi ini hangat diperkatakan kerana kadar caj yang bakal dikenakan ke atas pengguna kenderaan yang berulang-alik ke Singapura setiap hari RM15.30 di kaunter tol menggunakan kad Touch 'n Go yang terletak di dalam Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ).

Katanya, apa yang menjadi rungutan kini ialah kewajaran pengguna kenderaan membayar tol tersebut walaupun mereka tidak menggunakan EDL untuk berulang-alik ke Singapura.

Manakala, bagi pengguna yang menggunakan EDL di kawasan bandar raya sahaja tidak dikenakan tol berkenaan.

Dalam pada itu, Abdul Ghani berkata, Jalan Bakar Batu akan dinaik taraf kepada jalan empat lorong yang akan dimulakan pada September depan.

Pemaju projek Selia Group menerima tabung fasiliti daripada Kerajaan Pusat berjumlah RM35 juta bagi menaik taraf jalan sepanjang 1.8 km yang akan menghubungkan Lebuhraya Tebrau dan EDL.

Projek tersebut dijangka siap pada sepenuhnya awal 2014.